

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Wednesday, November 3rd 2021



**MEDIA STATEMENT
FOR EXTERNAL TRADE INDICES,
MALAYSIA, SEPTEMBER 2021**

Malaysia's export & import unit value indices dropped 0.2 per cent and 0.5 per cent, respectively in September 2021

PUTRAJAYA, NOVEMBER 3, 2021 – Malaysia's monthly export and import unit value indices dropped at 0.2 per cent and 0.5 per cent respectively, in September 2021, as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), SEPTEMBER 2021**. This report presents the unit value and volume index by sections for both exports and imports of goods.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, said "The export unit value index fell 0.2 per cent in September 2021 as compared with the previous month, contributed by the decreases in the index of mineral fuels (-1.1%), machinery & transport equipment (-0.8%) and manufactured goods (-0.2%). On the other hand, the export volume index rose 16.2 per cent in the same month, reflected by the increases in the index of animal & vegetable oils & fats (+32.9%), manufactured goods (+29.2%) and machinery & transport equipment (+19.2%). The seasonally adjusted export volume index posted an increase of 15.3 per cent from 143.9 points to 165.9 points. On annual comparison, the export unit value and volume index grew 15.1 per cent and 8.3 per cent, respectively."


Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also commented, "The import unit value index also dropped 0.5 per cent in September 2021 as compared with the previous month. The decline was contributed by the deterioration in the index of mineral fuels (-1.1%), machinery & transport equipment (-0.8%) and chemicals (-0.2%). In contrast, the import

volume index grew 14.7 per cent in the same month as compared to the preceding month, contributed by the increases in the index of mineral fuels (+36.9%), inedible crude materials (+24.3%) and machinery & transport equipment (+13.3%). The seasonally adjusted import volume index in September 2021 posted an increase of 17.3 per cent from 137.2 points to 161.0 points. On a year-on-year basis, both the import unit value and volume indices expanded 6.6 per cent and 18.7 per cent, respectively.”

Department of Statistics Malaysia (DOSM) also reported that Malaysia’s terms of trade increased by 0.3 per cent m-o-m to 105.9 points in September 2021. Malaysia’s terms of trade performance remained positive at 7.9 per cent from 98.1 points in September of previous year.

The activities of Quality Check (QC) and Post Enumeration Survey (PES) for Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) is ongoing in November and December 2021. All Malaysian residents are urged to cooperate the said activities of Malaysia Census 2020 because "Your Data is Our Future". Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

The Government of Malaysia has declared **National Statistics Day (MyStats Day)** on October 20 every year. This declaration has recognised the contributions of statisticians and the statistical profession in the country. National Statistics Day can also be celebrated by agencies that produce, providers and users of statistics as well as various levels of the community consisting of government agencies, researchers, universities and schools as well as the general public. The theme of MyStats Day in 2021 is "**Connecting The World With Data We Can Trust**".



**Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices
January 2019 – September 2021**

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

3 NOVEMBER 2021

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 3 November 2021



KENYATAAN MEDIA
BAGI INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI,
MALAYSIA, SEPTEMBER 2021

Indeks nilai seunit eksport & import Malaysia menyusut masing-masing 0.2 peratus dan 0.5 peratus pada September 2021

PUTRAJAYA, 3 NOVEMBER 2021 – Indeks nilai seunit eksport dan import bulanan Malaysia merekodkan penurunan pada September 2021, masing-masing menurun 0.2 peratus dan 0.5 peratus, sebagai mana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), SEPTEMBER 2021** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit dan indeks volum mengikut seksyen bagi eksport dan import barangan.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks nilai seunit eksport menyusut 0.2 peratus pada September 2021 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak galian (-1.1%), jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.8%) dan pelbagai barang keluaran kilang (-0.2%). Sementara itu, indeks volum eksport meningkat 16.2 peratus pada bulan yang sama, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (+32.9%), barang-barang keluaran kilang (+29.2%) dan jentera & kelengkapan pengangkutan (+19.2%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim meningkat 15.3 peratus daripada 143.9 mata kepada 165.9 mata. Berdasarkan perbandingan tahunan, kedua-dua indeks nilai seunit dan volum eksport masing-masing meningkat 15.1 peratus dan 8.3 peratus.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut berkata “Indeks nilai seunit import turut menyusut 0.5 peratus pada September 2021 berbanding bulan sebelum. Penurunan ini disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak galian (-1.1%), jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.8%) dan bahan kimia (-0.2%). Sebaliknya, indeks volum import meningkat 14.7 peratus pada September 2021 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (+36.9%), bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan (+24.3%) dan jentera & kelengkapan pengangkutan (+13.3%). Indeks volum import pelarasan bermusim pada September 2021 mencatatkan peningkatan 17.3 peratus daripada 137.2 mata kepada 161.0 mata. Berbanding tahun sebelum, kedua-dua indeks nilai seunit dan volum import masing-masing meningkat 6.6 peratus dan 18.7 peratus.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) turut melaporkan terma perdagangan Malaysia mencatatkan pertumbuhan 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 105.9 mata pada September 2021. Prestasi terma perdagangan Malaysia kekal positif 7.9 peratus daripada 98.1 mata pada September tahun lalu.

Aktiviti Semakan Kualiti (QC) dan Penyiasatan Liputan Banci (PES) bagi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) sedang dilaksanakan sepanjang November dan Disember 2021. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam aktiviti yang dijalankan Banci Malaysia 2020 kerana "Data Anda Masa Depan Kita". Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan **Hari Statistik Negara (MyStats Day)** pada **20 Oktober** setiap tahun. Pengisytiharan ini telah mengiktiraf sumbangan ahli statistik dan profesion statistik di negara ini. Hari Statistik Negara ini juga boleh diraikan oleh agensi pengeluar, pembekal dan pengguna statistik serta pelbagai lapisan komuniti yang terdiri daripada agensi kerajaan, penyelidik, universiti dan sekolah serta masyarakat umum. Tema sambutan Hari Statistik Negara tahun 2021 ialah ***“Connecting The World With Data We Can Trust”***.



Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import Januari 2019 – September 2021

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
3 NOVEMBER 2021